

**SEKOLAH-SEKOLAH MENENGAH ZON B,
KUCHING.**

PEPERIKSAAN PERCUBAAN PMR 2013

**SKEMA PEMARKAHAN
BAHASA MELAYU KERTAS 2
Dan
JAWAPAN BAHASA MELAYU KERTAS 1**

**Bahasa Melayu Kertas 2 (2013)
Skema Pemarkahan**

**Bahagian A (i) : Ringkasan
Markah Penuh : 20 markah**

1. Perkara-perkara yang perlu diberikan perhatian semasa membaca jawapan calon :

- a. **Bahasa** dinilai secara "impression"
- b. Guru hendaklah menandakan kesalahan bahasa sebagaimana penandaan karangan.
- c. Isi diambil kira sehingga **80** patah perkataan atau sehingga **ayat berakhir**.
- d. Jawapan calon mestilah menjurus kepada **fokus soalan**.

2. Peringkatkan markah calon berdasarkan kriteria di bawah:

Markah Bahasa : 10 markah

Peringkat	Markah	Keterangan
<i>Cemerlang</i>	<i>09 – 10</i>	Bahasa baik dan lancar Menggunakan ayat sendiri Ejaan dan tanda baca betul
<i>Baik</i>	<i>06 – 08</i>	Bahasa baik dan lancar Masih berupaya menggunakan ayat sendiri Kesalahan ejaan dan tanda baca – minimum
<i>Memuaskan</i>	<i>03 – 05</i>	Bahasa kurang lancar Terdapat kesalahan yang ketara dalam ayat, ejaan dan tanda baca. <i>Menyalin ayat daripada petikan asal secara terpilih</i>
<i>Penguasaan minimum</i>	<i>01 -02</i>	Penguasaan bahasa yang lemah <i>Menyalin secara terus daripada petikan</i>

Markah Isi : 10 markah

Bilangan Isi	Markah
5	9 – 10
4	7 – 8
3	5 – 6
2	3 – 4
1	1 – 2

Cara Penandaan Ringkasan :

- Tandakan (/) apabila terjumpa isi dan catat markah 1 atau 2 markah
- Baca setakat 80 patah perkataan sahaja atau hingga ayat berakhir

Perhatian:-

- Kalau ditulis dalam **beberapa perenggan** – periksa **seperti biasa**
- Kalau ditulis dalam bentuk **point** (*ayat lengkap dan gramatis*)
isi = markah penuh, bahasa = maksimum 6 markah
- Isi disalin secara **terpilih tanpa pindaan**
Markah isi = seperti biasa , bahasa = maksimum 5 markah
- Jawapan disalin **terus daripada petikan**
markah isi ditolak 50%, bahasa = 2 markah

Cara penulisan markah (dalam kertas jawapan calon) :

Isi (I)	-10
Bahasa (B)	<u>-10</u>
	<u>20</u>

CADANGAN JAWAPAN

BAHAGIAN A (i) MERINGKASKAN KARANGAN – 20 markah

1	Peranan media massa menyedarkan masyarakat bahawa menjaga alam sekitar ialah tanggungjawab semua.
2	Mengamalkan kitar semula yang perlu dilaksanakan sepenuhnya.
3	Menggalakkan orang ramai menggunakan bahan-bahan mesra alam.
4	Menggalakkan orang ramai menggunakan perkhidmatan pengangkutan awam untuk mengatasi masalah pencemaran.
5	Peranan ibu bapa mendidik anak-anak sejak kecil mengenai cara membuang sampah dengan betul.
6	Mengenakan kompaun yang boleh menginsafkan mereka yang suka membuang sampah merata tempat.
7	Hukuman setimpal terhadap mana-mana pihak yang membuang toksid dan bahan buangan ke dalam sungai
8	Menanam kesedaran agar mencintai alam sekitar dalam kalangan murid melalui aktiviti kokurikulum.

BAHAGIAN A (ii)
PEMAHAMAN - 10 markah.

Soalan 1 (2 markah) – **maksud kata** atau **rangkai kata**

Markah	Keterangan
2	<ul style="list-style-type: none"> Maksud tepat dan ayat gramatis
1	<ul style="list-style-type: none"> Maksud tepat mengikut konteks tetapi ayat tidak lengkap Hanya memberikan sebahagian daripada maksud rangkai kata
0	<ul style="list-style-type: none"> Maksud tidak tepat mengikut konteks

Soalan 2 (4 markah) - Soalan **pemahaman petikan**

Markah	Keterangan
4	<ul style="list-style-type: none"> Isi yang dinyatakan cukup dan ayat gramatis
3	<ul style="list-style-type: none"> Isi cukup mengikut tugas tetapi ayat kurang gramatis
2	<ul style="list-style-type: none"> Isi tidak cukup/ kurang menepati tugas tetapi ayat gramatis
1	<ul style="list-style-type: none"> Isi tidak cukup dan kurang lengkap mengikut tugas serta ayat kurang gramatis
0	<ul style="list-style-type: none"> Isi tidak menepati kehendak soalan

Soalan 3 (4 markah) - Soalan pemahaman berdasarkan **kemahiran berfikir**

Markah	Keterangan
4	<ul style="list-style-type: none"> Isi cukup serta relevan mengikut tugas dan ayat gramatis
3	<ul style="list-style-type: none"> Isi relevan tetapi ayat kurang gramatis
2	<ul style="list-style-type: none"> Isi kurang relevan mengikut tugas tetapi ayat gramatis
1	<ul style="list-style-type: none"> Isi kurang relevan mengikut tugas dan ayat kurang gramatis
0	<ul style="list-style-type: none"> Isi tidak tepat

Jawapan Bahagian A (ii) - Pemahaman

Soalan 1

<i>Semakin</i>	<i>Meruncing</i>	Markah
kian	genting	(2 markah)
	memuncak	
	tegang	
	serius	
semakin	genting	(1 markah)
	Memuncak	
	Tegang	
	Serius	
kian	Meruncing	(1 markah)

Soalan 2

- Media televisyen ditonton oleh jutaan penonton seluruh negara. Oleh itu, mesej dapat disampaikan dengan lebih berkesan.
 - Cara menyampaikan mesej boleh dipelbagaikan dengan berkesan.
 - Media cetak juga dibaca oleh jutaan rakyat merangkumi pelbagai lapisan masyarakat.
- (Mana-mana dua memadai)

Soalan 3

- ✓ Pertandingan bahas, pidato, syarahan dengan membawakan tema yang diingini
- ✓ Mengadakan gotong-royong membersihkan kawasan sekolah.
- ✓ Mengadakan seminar dengan menjemput tokoh-tokoh yang berkesan menyampaikan mesej berkenaan alam sekitar kepada murid.

BAHAGIAN B KARANGAN (RESPONS TERHAD) - 20 markah

- Baca karangan sekali lalu untuk mendapat **kesan (*impression*)** daripadanya
- Pertimbangan perlu diberikan kepada :
 - ♥ ***menjawab tugas***
 - ♥ ***bahasa***
 - ♥ ***kerelevanan idea dan pengolahan***
- ***Nilaikan*** dan ***tetapkan*** peringkat karangan berdasarkan **kriteria penskoran**.
- ***Baca*** karangan sekali lagi untuk ***pertimbangan muktamad***.
- Sambil membaca **tandakan kesalahan bahasa, tanda baca, ejaan dan isi / fakta**

_____	kesalahan <i>bahasa</i>
/	kesalahan <i>ejaan</i>
//	kesalahan <i>ejaan</i> yang <i>berulang</i>
O	kesalahan <i>tanda baca</i>
()	kesalahan <i>isi / fakta</i>

* ***Tiada pemotongan markah untuk kesalahan ejaan***

KRITERIA PENSKORAN

PERINGKAT	MARKAH	KETERANGAN
Cemerlang	(18 – 20) 16 – 20 (16 – 17)	<ul style="list-style-type: none"> • ayat gramatis dan kata yang digunakan tepat • kosa kata luas dan tepat • ejaan dan tanda baca betul • idea relevan berdasarkan tugas • huraian idea luaran spt. Pendapat, ulasan, cadangan , kesimpulan – sesuai dan berkembang • pengolahan menarik dan berkesan
Baik	(13 – 15) 11 – 15 (11 – 12)	<ul style="list-style-type: none"> • ayat masih gramatis dan kata masih tepat • kosa kata – tepat • terdapat kesalahan minimum dalam penggunaan kata, frasa dan ayat • kesalahan ejaan dan tanda baca – minimum • idea luaran kurang dikembangkan • pengolahan menarik
Memuaskan	(08 – 10) 06 – 10 (06 – 07)	<ul style="list-style-type: none"> • kata dan ayat yang digunakan kurang gramatis • kosa kata terhad • terdapat kesalahan yang ketara dalam penggunaan kata, frasa, dan ayat • kesalahan ejaan dan tanda baca yang ketara • idea tidak begitu menepati tugas • huraian idea luaran terhad • pengolahan tidak menarik
Penguasaan minimum	01 – 05	<ul style="list-style-type: none"> • keseluruhan jawapan menggambarkan penguasaan bahasa yang tidak cekap • idea kabur / tidak berkaitan dengan tugas

CARA PENULISAN MARKAH :

Keseluruhan (K) - 19

**SKEMA JAWAPAN
BAHAGIAN B
KARANGAN RESPONS TERHAD – 20 markah.**

Isi –isi cadangan

Kesan-kesan negatif obseiti

1. Terdedah kepada pelbagai penyakit.
2. Mengehadkan pergerakan.
3. Perbelanjaan meningkat.
4. Kurang keyakinan diri.

**SKEMA JAWAPAN
BAHAGIAN C
KARANGAN RESPONS TERBUKA – 40 markah**

Langkah – langkah memeriksa:

1. Guru hendaklah **membaca** karangan murid **sekali lalu untuk mendapatkan kesan** (*impression*) daripadanya.
2. Nilai dan anggarkan peringkat karangan berkenaan sama ada dapat dimasukkan ke peringkat **A , B, C, D atau E.**
3. Perkara yang perlu diberikan perhatian semasa membuat pertimbangan ialah:-

-  **Bahasa**
-  **Idea**
-  **Penyampaian**

Isi atau Idea : minimum 3

4. Tetapkan peringkat karangan itu ke dalam satu daripada peringkat seperti dalam jadual berikut:-

**KRITERIA PENSKORAN
BAHAGIAN C: KARANGAN RESPONS TERBUKA**

Peringkat	Markah	Keterangan
<i>Cemerlang</i>	(37 – 40) 33 – 40 (33 – 36)	<ul style="list-style-type: none"> • penggunaan pelbagai jenis kata yang luas dan tepat • penggunaan pelbagai jenis ayat majmuk yang gramatis tetapi terdapat kesalahan yang minimum • penggunaan penanda wacana yang betul • ejaan dan tanda baca yang betul • penggunaan kosa kata yang luas • idea yang relevan dengan huraian yang jelas berserta dengan contoh-contoh yang sesuai • pengolahan yang menarik dan berkesan dengan pemerenggan yang sesuai dan format menepati kehendak tugas • penggunaan ungkapan yang mudah seperti peribahasa, pantun, cogan kata dan frasa yang menarik.
<i>Kepujian</i>	(29 – 32) 25 – 32 (25 – 28)	<ul style="list-style-type: none"> • jenis kata yang digunakan luas dan tepat • penggunaan pelbagai jenis ayat majmuk yang gramatis tetapi terdapat kesalahan yang minimum • penggunaan penanda wacana yang sesuai • ejaan dan tanda baca yang betul • penggunaan kosa kata luas • idea yang relevan dengan huraian yang jelas berserta dengan contoh • pengolahan menarik dan berkesan dengan pemerenggan yang sesuai dan format menepati kehendak tugas • penggunaan ungkapan yang mudah seperti peribahasa, pantun, cogan kata dan frasa yang menarik
<i>Baik</i>	(21 - 24) 17 - 24 (17 – 20)	<ul style="list-style-type: none"> • Pelbagai jenis kata yang sesuai digunakan • Pelbagai jenis ayat digunakan tetapi kesalahan yang minimum ditemukan • Penanda wacana yang digunakan masih sesuai • kesalan ejaan dan tanda bacanya agak minimum • kosa kata yang digunakan agak umum dan ada kesalahan yang minimum • Ideanya masih relevan , huraiannya masih jelas • Pengolahannya masih menarik dan pemerengganannya sesuai • format masih menepati kehendak soalan.

Memuaskan	(13 - 16) 09 - 16 (09 - 12)	<ul style="list-style-type: none"> • Pelbagai jenis kata digunakan tetapi terhad • ayat mudah , kesalahan yang minimum ditemukan • Penanda wacana digunakan kurang tepat • Ejaan dan penggunaan tanda baca menunjukkan kesalahan yang agak ketara. • Huraian kurang jelas • Pengolahan kurang menarik, pemerenggan kurang sesuai • Format kurang tepat
Penguasaan yang minimum	(05 - 08) 01 - 08 (01 - 04)	<ul style="list-style-type: none"> • Jawapan yang diberikan pada umumnya menggambarkan penguasaan yang tidak cekap

Skema Jawapan Bahagian C

Cadangan jawapan

Soalan 1: Karangan berformat (laporan)

- a) Pendahuluan
Jumlah penduduk yang menghidap demam denggi semakin meningkat
- b) Isi-isi
 - i. Pada hari minggu, penduduk berkumpul di depan balai raya – mereka menikmati nasi lemak yang disediakan.
 - ii. Taklimat daripada Ketua Taman Perumahan dan kemudian pengagihan alatan untuk menjalankan kerja-kerja membersih seperti cangkul, sabit, pongkes, dan beg plastik.
 - iii. Penduduk tanpa mengira usia dan kedudukan bersama-sama bergotong-royong.
 - iv. Kaum wanita sibuk memasak di belakang belakang balai raya.
 - v. Kedatangan wakil rakyat menjadikan suasana lebih meriah.
- c) Penutup
Kerja berakhir jam 12.30 tengah hari – sebelum beredar penduduk dijamu hidangan makan tengah hari ala kampung.

Soalan 2 : Karangan tidak berformat (pendapat)

- a) Pendahuluan
Kebanyakan ibu bapa mementingkan pencapaian akademik anak-anak mereka.
- b) Isi-isi
- i. Sikap ibu bapa – membantu meningkatkan pembelajaran dengan membelikan buku rujukan atau menghantar anak-anak mengikuti kelas tuisyen.
 - ii. Minat ibu bapa – mengambil tahu kemajuan pembelajaran anak-anak, keinginan dan cita-cita anak
 - iii. Pendidikan ibu bapa – pendidikan yang baik mempengaruhi pembelajaran anak-anak – dapat menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh anak-anak dalam pelajaran.
 - iv. Didikan serta bimbingan ibu bapa – didikan awal akan membentuk corak pembelajaran sebenar anak-anak
 - v. Latar belakang ekonomi – taraf hidup atau status ekonomi merupakan asas yang kuat bagi pencapaian akademik anak-anak
- c) Penutup
Ibu bapa perlu memberikan tumpuan sepenuhnya kepada anak-anak – usaha melahirkan generasi cemerlang bermula daripada institusi keluarga.

Soalan 3: karangan berformat (ucapan)

- a) Pendahuluan
Kata alu-aluan kepada para hadirin
- b) Isi-isi penting
- i. Setiap murid inginkan kecemerlangan dalam pelajaran – pelbagai usaha dilakukan
 - ii. Memberikan fokus ketika guru mengajar di kelas
 - iii. Rajin membuat ulang kaji dan banyak bertanya
 - iv. Tidak mudah berpuas hati, sebaliknya mencabar diri untuk memperoleh keputusan terbaik
 - v. Mengikuti kelas tambahan anjuran sekolah atau pusat tuisyen
 - vi. Sabar menghadapi kegagalan dan terus berdoa mencari keberkatan ilmu
- c) Penutup
Kecemerlangan impian setiap murid – hanya mereka yang bersemangat besar sahaja akan berjaya

Soalan 4: karangan tidak berformat

- a) Pendahuluan
Aktiviti kokurikulum dijalankan pada waktu petang apabila sesi persekolahan berakhir
- b) Isi-isi penting
 - i. Dapat menyihatkan badan
 - ii. Melahirkan sikap berdikari
 - iii. Melahirkan perpaduan kaum dalam kalangan murid di sekolah
 - iv. Membentuk jati diri dan berfikiran luas
 - v. Memanfaatkan waktu terluang dengan aktiviti yang berfaedah
- c) Penutup
Murid-murid perlu memanfaatkan aktiviti kokurikulum seiring dengan tumpuan terhadap pelajaran

Soalan 5: karangan tidak berformat

- a) Pendahuluan
Maksud peribahasa seseorang yang tidak mahu menerima sebarang nasihat yang diberikan
- b) Isi-isi penting
 - i. Razlan murid Tingkatan Tiga – malas belajar dan gemar menghabiskan masa dengan perkara yang sia-sia
 - ii. Di sekolah berhadapan dengan masalah disiplin – nasihat guru tidak diikuti
 - iii. Di rumah tidak mendengar nasihat ibu bapa – sering keluar bersama-sama rakan dan tidak mengulang kaji pelajaran
 - iv. Terlibat dalam kegiatan lumba haram – polis adakan sekatan jalan raya – lari dari sekatan lalu terlibat dalam kemalangan
- c) Penutup
Terlantar di hospital kerana cedera parah – berasa menyesal tidak mendengar nasihat

BAHAGIAN D
KAJIAN NOVEL - 10 markah

Pembahagian markah : Isi - 6 markah
Bahasa - 4 markah

Perwatakan watak

1. Novel Istana Menanti

(a) Fadhil

- Fadhil berusia 15 tahun dan begitu berminat untuk mengetahui lebih lanjut tentang misteri Istana Menanti lalu memujuk Ramasamy dan Ah Seng supaya bersetuju untuk mendaki Gunung Datuk. Mereka mendapatkan maklumat daripada Tuk Ngah akhirnya mereka dapat tiba di tempat tersebut.
- Fadhil mempunyai semangat setia kawan dan tidak mudah berputus asa, contohnya saling membantu ketika terperangkap di dalam terowong Istana Menanti.

(b) Ah Seng

- Mempunyai minat dan cita-cita yang sama dengan Fadhil iaitu ingin bergelar ahli sejarah suatu hari nanti.
- Kadang kala sikapnya lepas laku dan terlalu mengikutkan perasaan. Ketika sedang mendaki gunung Datuk, dia ketawa dan bersuara kuat dan berlagak seperti tarzan apabila melihat kera dan burung-burung bertempiran lari.
- Suka makan. Contohnya dia tetap berselera makan meskipun dalam kesusahan. Ketika semua orang sedang risau kerana terperangkap di dalam bilik, dia tetap berselera untuk makan.

(c) Ramasamy

- Dia mempunyai minat dan cita-cita yang sama dengan Fadhil dan Ah Seng iaitu ingin bergelar ahli sejarah suatu hari nanti.
- Dia berani. Contohnya ketika menyusuri terowong untuk mencari Ah Seng, Ramasamy dan kawan-kawannya terserempak dengan beberapa orang lelaki. Dia mahu melawan orang-orang jahat itu tetapi dihalang oleh Khairil.

2. Novel Di Sebalik Wajah

(a) Doktor Fikri

- Doktor Fikri mempunyai sikap berjumat cermat. Contohnya dia mampu menyimpan wang sebanyak RM 1000.
- Dia juga seorang yang tahu memanfaatkan masa terluang. Contohnya dia mengisi masa terluang dengan menyudahkan kerja sekolah atau membaca. Doktor Fikri juga memiliki sikap berani. Contohnya dia tidak mengendahkan ugutan Narius, Jais dan Jamadi yang meminta wang perlindungan daripadanya ketika dia pulang dari sekolah.

- Doktor Fikri juga seorang yang taat kepada agama, contohnya dia segera menunaikan solat zohor apabila tiba di rumah.

(b) Josy

- Bersikap peramah kerana dialah yang mula-mula menyapa dan berkenalan dengan Doktor Fikri
- Pandai menjaga hati rakannya. Dia pandai memujuk Doktor Fikri yang bersedih kerana disisihkan rakan-rakan sekelasnya.
- Josy setia dalam persahabatan. Baginya sebagai rakan, dia berkewajipan untuk membantu rakan yang kesusahan.

(c) Narius

- Pelajar yang nakal di SMK Menggatal
- Narius mengugut Doktor Fikri dengan memintanya agar menyerahkan wang perlindungan kepadanya.
- Narius berendam terhadap Doktor Fikri kerana menganggap bahawa Doktor Fikri yang telah mengadu perbuatannya kepada pengetua.
- Narius akhirnya sedar dan insaf setelah dirinya diikat jamin oleh bapa Doktor Fikri daripada terus ditahan dilokap polis.

3. Novel Cempaka Putih Untukmu.

(a) Hartini

- dia sanggup menghadapi risiko. Contohnya dia berterusan memujuk Pak Morit agar membenarkan papanya menghantar Satiah ke hospital walaupun tahu Pak Morit berkemungkinan akan memukulnya.
- Seterusnya, Hartini berusaha untuk mendapat keputusan cemerlang dalam peperiksaan PMR. Buktinya, dia menubuhkan kumpulan belajar bersama Satiah, Ineng, Ambok dan Sinda.
- Hartini juga mudah menginsafi kesalahan yang dilakukan. Contohnya, dia segera memohon maaf kepada Junainah kerana menampar gadis itu gara-gara sikap rakannya itu yang memperlekeh hubungannya dengan Satiah.

(b) Satiah

- Pelajar pintar. Contohnya dia dipuji oleh cikgu Hanafi kerana menghasilkan karangan yang bagus. Dia berjaya memperoleh 8A dalam PMR.
- Nasibnya malang kerana bapanya sangat mempercayai perubatan kuno. Contohnya apabila disahkan menghidap penyakit barah, bapanya mendapatkan bantuan dukun bukannya bantuan doktor atau rawatan moden.
- Satiah taat kepada bapanya. Contohnya, walaupun dia tahu bahawa perubatan moden lebih baik daripada perubatan tradisional, dia tidak membantah tindakan bapanya itu.

(c) Pak Morit

- Amat mempercayai khidmat dukun. Contohnya Pak Morit menolak pandangan Satiah dan orang lain yang menyatakan penyakit barah hendaklah diubati secara moden.
- Pak Morit ialah lelaki yang bengis. Contohnya dia memarahi Hartini kerana Hartini memujuknya agar membawa Satiah menemui doktor.
- Pak Morit sebenarnya amat menyayangi anaknya Satiah. Buktinya dia bersungguh-sungguh berusaha untuk mengubati penyakit Satiah

PERINGATAN : Hendaklah menyatakan perwatakan berlainan untuk watak berbeza..Jika sama, tiada markah untuk huraian watak kedua.

PEPERIKSAAN PERCUBAAN PMR 2013

**SEKOLAH – SEKOLAH MENENGAH ZON B KUCHING
Bahasa Melayu Kertas 1
Jawapan.**

Soalan	Jawapan	Soalan	Jawapan
1	C	21	B
2	B	22	C
3	D	23	A
4	D	24	C
5	B	25	B
6	D	26	B
7	C	27	D
8	D	28	C
9	A	29	A
10	A	30	D
11	A	31	A
12	B	32	B
13	D	33	B
14	B	34	A
15	D	35	B
16	A	36	A
17	D	37	B
18	A	38	A
19	B	39	B
20	C	40	C

KEKERAPAN PILIHAN JAWAPAN

JAWAPAN	BILANGAN
A	11
B	13
C	7
D	9